



19 MAY, 2026

TNB lancar Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri Santong di Paka

Kosmo, Malaysia



FADILLAH (depan) meninjau tapak BESS Santong di Paka, Dungun semalam.

TNB lancar Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri Santong di Paka

DUNGUN – Sektor tenaga boleh diperbaharui tempatan terus diperkasa dengan pengoperasian Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) Santong kendalian syarikat utiliti nasional, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Fadillah Yusof berkata, BESS Santong merupakan projek sulung penyimpanan tenaga bateri utiliti berskala besar di negara ini.

Beliau berkata, BESS Santong terbabit boleh menjana tenaga elektrik 100 megawatt atau 400 megawatt sejam (mw/j) untuk kegunaan 40,000 pengguna di

Pantai Timur.

"Inisiatif ini direncanakan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional bagi memastikan grid (rangkaiannya) penghantaran kuasa elektrik bervoltan tinggi) nasional (sentiasa) dalam keadaan stabil.

"Kita hendak memastikan bukan sahaja keterjaminan bekalan (elektrik), malah mesra alam dan mampu milik," katanya selepas melancarkan BESS Santong, Paka di sini semalam.

Fadillah berkata, pengoperasian BESS juga selaras dasar nasional untuk menjana 70 peratus tenaga elektrik daripada sumber

bersih dan boleh diperbaharui.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata, kos pembinaan BESS Santong yang mula beroperasi pada 17 April lalu menelan belanja kira-kira RM380 juta.

"Ia dapat disiapkan dalam tempoh hanya 309 hari, (membuktikan) TNB ada keupayaan menyiapkan infra untuk keseluruhan rangkaian tenaga (elektrik) kita.

"Saya difahamkan projek BESS kedua akan dilancarkan di Sabah pada bulan Jun atau Julai depan," katanya.